

01/02/2002

Singapura sedia runding harga baru air

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan Singapura sudah bersedia berunding dengan Malaysia bagi menetapkan kadar baru penjualan air ke negara ini, kata Pesuruhjaya Tingginya di sini, K Kesavapany.

Beliau berkata, Singapura kini hanya menunggu tarikh sesuai daripada Wisma Putra untuk berunding berkenaan penetapan kadar baru itu.

"Kami sudah bersedia untuk berunding mengenai isu air dan hanya menunggu tarikh sesuai daripada Malaysia (Wisma Putra)," katanya ketika ditanya mengenai tarikh rundingan itu akan diadakan.

Bercakap kepada pemberita di pejabatnya hari ini, Kesavapany bagaimanapun enggan mengulas mengenai isu harga air yang dibangkitkan kedua-dua negara kerana Kementerian Luar republik itu sudah memberi penjelasan.

Jurucakap Kementerian Luar Singapura sebelum ini dilaporkan berkata, negara itu meminta Malaysia menjelaskan pendiriannya mengenai isu dua hala yang tertangguh termasuk isu bekalan air dan tanah milik Keretapi Tanah Melayu di republik itu dalam perkembangan terbaru rundingan kedua-dua negara.

Singapura membelanjakan RM2.40 untuk merawat setiap 1,000 gelen air dan dijual dengan harga 50 sen kepada Johor yang mengenakan bayaran RM3.95 kepada pengguna bagi jumlah yang sama, kata jurucakap itu.

Minggu lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kedua-dua pihak belum mencapai persetujuan mengenai harga baru air yang dibekalkan Malaysia sejak 1960-an.

Perdana Menteri berkata, Malaysia meminta harga berpatutan. Singapura menawarkan untuk membayar 45 sen bagi 1,000 gelen air yang sekarang diperolehinya pada kadar cuma tiga sen di bawah dua perjanjian yang tamat tempohnya pada 2011 dan 2061.

Singapura sekarang mengimport 350 juta gelen air mentah setiap hari dari Johor yang kemudian membeli balik setiap hari 37 juta gelen yang telah dirawat pada harga 50 sen bagi 1,000 gelen.

Terdahulu, K Kesavapany dalam sidang akhbaranya berkata, pihaknya dengan kerjasama Kelab Rotary Pudu dan Brickfields akan menganjurkan Musical Splendour 2002 yang membabitkan persembahan Persatuan Orkestra Pemuda China (Payco) pada 31 Mac ini.

(END)